

STRATEGI DAN CABARAN UNTUK MEMPERKASA TARIAN MONGIGOL PATOD DALAM UPACARA MOI PATOD BAGI ETNIK DUSUN BUNDU DI RANAU, SABAH

STRATEGIES AND CHALLENGES IN EMPOWERING THE MONGIGOL PATOD DANCE IN THE MOI PATOD RITUAL AMONG THE DUSUN BUNDU ETNIC IN RANAU, SABAH

Sheery Oweena Apson^{1*}
Sri Ningsih Sukirman²

^{1,2}Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF), Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

sheerysept@gmail.com*

Dihantar/Received: 06 Dec 2025 | Penambahbaikan/Revised: 16 Dec 2025
Diterima/Accepted: 24 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7154>

ABSTRAK

Tarian *Mongigol Patod* merupakan sebuah tarian yang menjadi sebahagian daripada upacara *Moi Patod* bagi etnik Dusun Bundu di Ranau, Sabah. Tarian ini bukan sekadar ekspresi seni, sebaliknya berakar daripada amalan ritual yang berfungsi sebagai medium spiritual dan sosial dalam kehidupan masyarakat, termasuk menghubungkan manusia dengan roh nenek moyang serta mencerminkan falsafah keseimbangan antara manusia dan alam dalam kosmologi etnik di Sabah (Sri Ningsih Sukirman, 2020). Namun, arus globalisasi, urbanisasi dan perubahan nilai agama telah menjejaskan kesinambungan tradisi ini (James, 2006, Kraidy, 2005). Kajian ini menumpukan kepada dua aspek utama iaitu strategi pemerkasaan dan cabaran pelestarian dengan menggunakan analisis SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) berasaskan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam dan pemerhatian lapangan di Kampung Bundu Tuhan, Ranau. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun tarian *mongigol patod* kekal penting sebagai warisan budaya tak ketara etnik Dusun Bundu, kesinambungannya berhadapan dengan cabaran perubahan sosial dan modenisasi, termasuk persepsi negatif terhadap ritual tradisional serta kekangan sokongan dan sumber dalam komuniti tempatan (Sharifuddin Zainal et al., 2023). Strategi pemerkasaan yang dicadangkan meliputi tiga komponen utama iaitu pendidikan budaya komuniti, dokumentasi digital berasaskan akademik, dan pelestarian etika persembahan tanpa menjejaskan kesuciannya (UNESCO, 2003, Yan & Li, 2023). Kajian ini menegaskan bahawa pelestarian tarian *mongigol patod* memerlukan pendekatan bersepadu yang menyeimbangkan tradisi dengan inovasi moden, serta mengiktiraf komuniti Dusun Bundu sebagai pemegang warisan sah dalam proses pemerkasaan budaya.

Kata kunci: Tarian *Mongigol Patod*, Upacara *Moi Patod*, Dusun Bundu, Strategi pemerkasaan, Cabaran pelestarian, Warisan budaya tak ketara.

ABSTRACT

The Mongigol Patod dance constitutes an integral component of the moi patod ritual practiced by the Dusun Bundu ethnic community in Ranau, Sabah. This dance is not merely an artistic expression; rather, it is rooted in ritual practices that function as a spiritual and social medium within the community, connecting humans with ancestral spirits and reflecting a philosophy of balance between humans and nature within Sabah's ethnic cosmology (Sri Ningsih Sukirman, 2020). However, the forces of globalization, urbanization, and transformations in religious values have disrupted the continuity of this tradition (James, 2006, Kraidy, 2005). This study focuses on two primary aspects empowerment strategies and preservation challenges through a SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) analysis grounded in a qualitative approach involving in-depth interviews and field observations conducted in Kampung Bundu Tuhan, Ranau. The findings reveal that although mongigol patod remains significant as an element of the Dusun Bundu community's intangible cultural heritage, its continuity faces challenges arising from social change and modernisation, including negative perceptions of traditional rituals as well as limited community support and resources (Sharifuddin Zainal et al., 2023). The proposed empowerment strategies encompass three main components: community-based cultural education, academically grounded digital documentation, and the ethical preservation of performance practices without compromising their sacredness (UNESCO, 2003; Yan & Li, 2023). This study asserts that the preservation of mongigol patod requires an integrated approach that balances tradition with modern innovation while recognising the Dusun Bundu community as the legitimate custodians of this cultural heritage within the broader process of cultural empowerment.

Keywords: *Mongigol Patod dance, Moi Patod, Dusun Bundu, Empowerment strategies, Preservation challenges, Intangible cultural heritage.*

PENGENALAN

Seni tari tradisional merupakan antara elemen penting dalam pembentukan identiti budaya dan sistem kepercayaan masyarakat turun temurun. Dalam kehidupan masyarakat etnik di Sabah, tarian tradisional bukan sekadar bentuk ekspresi estetika, tetapi berfungsi sebagai medium spiritual, sosial dan simbolik yang menghubungkan manusia dengan alam serta kepercayaan terhadap roh nenek moyang. Salah satu tradisi yang masih wujud dalam masyarakat Dusun Bundu di Ranau ialah tarian *mongigol patod* dalam upacara *moi patod*, yang lazimnya dikaitkan dengan upacara penyembuhan tradisional.

Namun demikian, proses pemodenan, perubahan nilai masyarakat serta pengaruh globalisasi telah memberi kesan terhadap kelangsungan amalan tarian tradisional. Generasi muda semakin kurang terlibat dalam upacara yang dianggap tidak selari dengan gaya hidup dan kepercayaan semasa. Keadaan ini menyebabkan tarian *mongigol patod* berhadapan dengan cabaran pewarisan dan risiko kepupusan sekiranya tiada usaha pemerkasaan yang sistematik dilaksanakan.

Walaupun terdapat kajian yang mendokumentasikan upacara dan tarian tradisi dalam kalangan masyarakat Kadazan-Dusun, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan aspek deskriptif ritual tanpa mengupas secara mendalam cabaran kontemporari dan strategi pemerkasaan berasaskan komuniti. Selain itu, suara komuniti pendukung ritual dan upacara sering kurang diketengahkan dalam perbincangan akademik, sedangkan mereka merupakan pemilik dan penjaga utama warisan budaya tersebut.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti strategi dan cabaran memperkasa tarian *mongigol patod* dalam masyarakat Dusun Bundu dengan memberi penekanan kepada perspektif komuniti tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan Emik-Etik bagi memahami makna dan fungsi tarian upacara daripada sudut pandang orang dalam, di samping menganalisis cabaran dan potensi pemeraksanaan dalam keadaan semasa.

Selain memahami makna dan fungsi tarian *mongigol patod* daripada perspektif komuniti, kajian ini turut menilai isu pemeraksanaan upacara tersebut melalui pendekatan analisis strategik. Analisis SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) digunakan secara terhad sebagai alat untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang mempengaruhi kelangsungan tarian *mongigol patod* dalam keadaan semasa. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang berkaitan dengan amalan upacara, tanpa menjejaskan nilai spiritual dan tafsiran budaya masyarakat Dusun Bundu.

Walau bagaimanapun, penggunaan SWOT dalam kajian ini tidak bertujuan menggantikan pendekatan interpretatif, sebaliknya berfungsi sebagai alat sokongan bagi merangka strategi pemeraksanaan yang lebih sistematik dan berasaskan realiti komuniti. Oleh itu, analisis SWOT dalam kajian ini dibina berasaskan dapatan emik komuniti pendukung upacara serta dianalisis secara etik bagi memastikan cadangan pemeraksanaan yang dihasilkan bersifat beretika, kontekstual dan lestari.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pelestarian warisan budaya tak ketara di Sabah serta menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan dalam merangka strategi pemeraksanaan seni ritual yang beretika, lestari dan berasaskan komuniti.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap seni ritual dan warisan budaya tak ketara telah mendapat perhatian meluas dalam bidang antropologi dan seni budaya, khususnya selepas pengenalan Konvensyen UNESCO (2003) yang menekankan kepentingan melindungi amalan budaya hidup seperti ritual, seni persembahan dan pengetahuan tradisional. Warisan budaya tak ketara bukan sekadar tinggalan masa lalu, sebaliknya merupakan amalan dinamik yang terus membentuk identiti, nilai dan sistem kepercayaan komuniti pendukungnya.

Dalam makna ritual, Turner (1969) menegaskan bahawa ritual berfungsi sebagai mekanisme sosial dan spiritual yang membolehkan masyarakat menstruktur pengalaman hidup, mengurus konflik serta mengekalkan keseimbangan antara manusia dan alam. Namun, Hafstein (2009) mengkritik pendekatan pelestarian yang terlalu menumpukan aspek dokumentasi tanpa mengambil kira kepentingan sosial dan makna yang dihayati oleh komuniti. Kritikan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan ritual perlu dilaksanakan secara beretika dan berpaksikan komuniti, selari dengan prinsip pendekatan emik dalam kajian budaya.

Kajian berkaitan tarian ritual dalam masyarakat etnik Sabah turut menunjukkan bahawa seni tari memainkan peranan penting dalam sistem kepercayaan dan amalan spiritual. Sri Ningsih Sukirman (2020) menjelaskan bahawa banyak tarian tradisional di Sabah berakar daripada amalan ritual yang berfungsi sebagai medium spiritual dan sosial, termasuk hubungan antara manusia, roh dan alam, serta mencerminkan pandangan kosmologi masyarakat etnik tempatan. Dalam kajian lain, menunjukkan bahawa walaupun tarian *mongigol patod* kekal penting sebagai warisan budaya tak ketara etnik Dusun Bundu, kesinambungannya berhadapan cabaran perubahan sosial dan modenisasi, termasuk persepsi

negatif terhadap ritual tradisional serta kekangan sokongan dan sumber dalam komuniti tempatan (Hussin, Baptist & Pugh-Kitingan, 2018).

Selain itu, beberapa kajian menegaskan bahawa perubahan nilai, pemodenan dan globalisasi memberi kesan langsung terhadap kelangsungan seni dan ritual tradisional. Kraidy (2005) menyatakan bahawa globalisasi budaya boleh mengubah makna asal sesuatu amalan budaya melalui proses hibridisasi, manakala Juanis et al. (2022) menekankan bahawa kekurangan pengetahuan dan pemahaman generasi muda terhadap warisan budaya tak ketara, termasuk ritual spiritual, boleh menjejaskan penyertaan mereka dan menyebabkan amalan tradisional tersebut semakin terpinggir dan berisiko mengalami kepupusan.

Dari sudut pemeraksanaan seni tradisi, Sharifuddin Zainal et al. (2023) menegaskan bahawa pendekatan berasaskan komuniti merupakan strategi paling berkesan dalam memastikan kelestarian warisan budaya. Pandangan ini selari dengan laporan UNESCO (2018) yang merupakan dokumen pelaksanaan kepada Konvensyen 2003 menekankan konsep community-based safeguarding sebagai pendekatan utama dalam pemeliharaan warisan budaya tak ketara. Walau bagaimanapun, beberapa sarjana mengingatkan bahawa pemeraksanaan tanpa sensitiviti budaya boleh menghakis nilai spiritual dan keaslian ritual sekiranya dilaksanakan semata-mata untuk tujuan pementasan atau komersial.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, didapati bahawa walaupun terdapat kajian berkaitan tarian ritual dan warisan budaya di Sabah, kajian yang mengintegrasikan perspektif komuniti (emik), analisis akademik (etik) serta fokus terhadap strategi dan cabaran pemeraksanaan masih terhad, khususnya di dalam tarian *mongigol patod* masyarakat Dusun Bundu. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan memberi penekanan kepada pengalaman dan tafsiran komuniti tempatan, di samping menganalisis cabaran serta potensi pemeraksanaan ritual ini dalam keadaan sosial semasa.

Selain pendekatan interpretatif dalam kajian budaya, beberapa sarjana turut menggunakan kerangka analisis strategik seperti Analisis SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) bagi menilai potensi dan cabaran dalam usaha pemeraksanaan seni dan warisan budaya. Menurut Helms dan Nixon (2010), analisis SWOT berfungsi sebagai alat diagnostik yang membantu mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kelestarian sesuatu organisasi atau amalan budaya. Dalam perkara yang berkait warisan budaya, SWOT sering digunakan untuk merangka strategi pemeraksanaan tanpa mengubah nilai dan struktur asas sesuatu amalan tradisi.

Penggunaan SWOT dalam kajian seni budaya tidak bertujuan menggantikan pendekatan interpretatif seperti emik dan etik, sebaliknya berfungsi sebagai alat sokongan bagi menganalisis dapatan kajian secara lebih sistematik dan berorientasikan strategi. Oleh itu, dalam kajian ini, analisis SWOT digunakan secara terhad bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam usaha memperkasa tarian *mongigol patod*, berdasarkan dapatan emik komuniti serta analisis etik penyelidik.


METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan pendekatan penyelidikan yang digunakan untuk meneliti strategi dan cabaran dalam memperkasa tarian *mongigol patod* di Ranau, Sabah. Kaedah penyelidikan dirancang bagi memastikan dapatan yang diperoleh bukan sahaja menggambarkan dimensi budaya dan spiritual tarian ini, tetapi juga menyokong pembangunan strategi pelestarian yang berasaskan bukti dan penyertaan komuniti.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan elemen kuantitatif sokongan, atau dikenali sebagai pendekatan mixed-method. Pendekatan ini dipilih bagi memperoleh pemahaman holistik tentang fenomena budaya yang kompleks, seperti yang disarankan oleh Creswell (2014) dan Yin (2018). Kaedah kualitatif digunakan untuk meneroka makna, fungsi, dan naratif spiritual di sebalik pelaksanaan tarian *mongigol patod* melalui temu bual dan pemerhatian lapangan. Sementara itu, data kuantitatif berperanan menyokong dapatan melalui analisis pola persepsi dan minat komuniti terhadap usaha pelestarian. Pendekatan gabungan ini sesuai untuk kajian warisan budaya tak ketara kerana ia menggabungkan dimensi sosial, spiritual, dan empirikal secara seimbang (Patton, 2015). Kajian ini tidak bertujuan mengukur keberkesanan upacara secara statistik, tetapi untuk memahami strategi dan cabaran pelestarian dari perspektif pengamal dan komuniti.

LOKASI KAJIAN



Peta 1: Peta Lokasi Kajian, Kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah
Sumber: Google Maps, 2025

Lokasi kajian ini adalah di Kampung Bundu Tuhan, yang terletak di daerah Ranau, Sabah. Kampung Bundu Tuhan merupakan sebuah penempatan tradisional masyarakat Dusun Bundu yang masih mengekalkan identiti budaya serta struktur sosial komuniti setempat. Pemilihan lokasi ini adalah berasaskan kewujudan komuniti yang masih mengamalkan warisan budaya turun-temurun secara aktif, sekali gus menjadikannya tapak kajian yang autentik dan relevan.

Kampung Bundu Tuhan dipilih kerana sehingga kini masih terdapat pengamal lama upacara *moi patod*, termasuk kelompok penari yang dahulunya dikenali sebagai penari tarian *mongigol patod*, iaitu tarian upacara yang berkait rapat dengan amalan dan kepercayaan tradisional masyarakat Dusun Bundu. Selain itu, kampung ini juga masih menempatkan pemuzik tradisional gong serta individu penting seperti ketua adat atau *bobolian*, iaitu penjaga adat dan kepercayaan masyarakat tempatan yang memainkan peranan signifikan dalam pelaksanaan upacara *moi patod* dan adat istiadat.

Keberadaan komuniti yang masih mengamalkan struktur sosial tradisional, termasuk adat resam, pantang larang, serta upacara tertentu, menjadikan Kampung Bundu Tuhan sebagai lokasi kajian yang ideal. Menurut Hussin, Baptist & Pugh-Kitingan (2018), komuniti Kadazan-Dusun di Sabah masih mengekalkan unsur ritual tradisional dalam tarian seperti *sumazau*, di mana amalan muzik dan gerak tari berperanan penting sebagai medium komunikasi spiritual dan simbolik, mencerminkan hubungan antara manusia dan alam roh.

RESPONDEN KAJIAN

Responden terdiri daripada dua kategori utama iaitu informan kualitatif dan responden kuantitatif, dengan pemilihan dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*). Pendekatan ini berasaskan Teori Emik–Etik (Pike, 1967) yang digunakan bagi memastikan kajian memperoleh pandangan budaya daripada dua perspektif penting yang terdiri dari perspektif emik iaitu suara dalaman komuniti dan perspektif etik iaitu penilaian umum masyarakat melalui instrumen akademik:

i. Informan utama mengikut perspektif emik (kualitatif)

Seramai 12 informan dari Kampung Bundu Tuhan dipilih kerana mereka mempunyai pengetahuan langsung tentang amalan tarian *mongigol patod*, termasuk bekas bobolian, penari veteran, pemuzik tradisi, penggiat budaya dan ketua kampung. Mereka ialah pemegang warisan yang memahami makna, fungsi upacara serta perubahan yang berlaku dalam komuniti. Perspektif mereka mewakili data emik, iaitu penjelasan budaya daripada sudut pandang orang dalam yang menyaksikan, mengamal dan mewarisi tradisi tersebut. Antara informan yang terlibat termasuk Kimbi Solinggou (79, bekas bobolian), Santim Lontuh (85, peniaga), Radin @ Lousi Madili (67, Ketua Kampung), Adrian Soidi (39, aktivis budaya), serta beberapa wanita Dusun Bundu yang berpengalaman dalam bidang tarian, upacara dan kegiatan budaya setempat. Informan ini memberi gambaran mendalam mengenai simbolisme gerak tari, perubahan nilai spiritual, dan cabaran pewarisan yang dihadapi oleh komuniti.

ii. Responden sokongan mengikut perspektif etik (kuantitatif)

Perspektif etik merujuk kepada analisis luar berasaskan instrumen akademik dan corak umum masyarakat, yang bertujuan memahami fenomena budaya secara lebih objektif dan sistematik (Pike, 1967). Selain informan utama, 12 orang responden kuantitatif berumur 21 hingga 54 tahun dipilih daripada komuniti Dusun Bundu untuk menjawab soal selidik mengenai tahap pengetahuan, minat, persepsi dan cabaran pelestarian tarian *mongigol patod*. Responden ini memberikan data etik, iaitu pandangan yang lebih luas, objektif dan mewakili corak pemikiran masyarakat semasa, khususnya generasi muda. Pendekatan ini penting untuk menilai bagaimana perubahan sosial, pendidikan, agama dan pemodenan mempengaruhi tahap penglibatan masyarakat terhadap tarian tradisional.

Nama	Umur	Jantina	Pekerjaan
Adina Gudin	56	Perempuan	Kerja Sendiri
Adrian Soidi	39	Lelaki	Aktivis Budaya, Pembaca Berita
Doloros B. Andang	60	Perempuan	Suri Rumah
Evelyn Akau	56	Perempuan	Petani, Pengusaha Warung Makan
Helena Sanan	57	Perempuan	Peniaga
Joaneseh James Ghani	46	Perempuan	Peguam
Jubanya Gabing	47	Perempuan	Suri Rumah

Kimbi Solinggou	79	Perempuan	Suri Rumah (Bekas Bobolian)
Norita @ Clarice Suali	54	Perempuan	Kerja Sendiri
Radin @ Lousi Bin Madili	67	Lelaki	Ketua Kampung Bundu Tuhan, Petani
Rosner Binti Andau	53	Perempuan	Petani
Santim Lontuh	85	Perempuan	Peniaga

Jadual 1: Senarai Maklumat Informan
Sumber : Kajian Lapangan, Kg Bundu Tuhan, 2024

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Tiga teknik utama digunakan untuk mendapatkan data:

i. Temu bual separa berstruktur

Dilaksanakan dalam bahasa Dusun dan Melayu bagi memastikan kefahaman budaya dan linguistik tepat. Temu bual ini bertujuan meneliti sejarah, fungsi spiritual, cabaran pewarisan dan strategi pelestarian yang telah dijalankan oleh komuniti. Data-data direkod secara audio dan ditranskrip verbatim sebelum dianalisis secara tematik. Pendekatan ini penting untuk memperoleh data emik selaras dengan Teori Emik–Etik.

ii. Pemerhatian lapangan

Penyelidik turut menghadiri sesi latihan tarian *mongigol patod* dan demonstrasi upacara *moi patod* yang dibenarkan oleh ketua adat. Pemerhatian ini menumpukan pada simbolisme gerakan, dan paluan gong, serta interaksi sosial semasa upacara *moi patod* yang diakhiri dengan tarian *mongigol patod*. Catatan lapangan digunakan untuk mengenal pasti aspek pelestarian yang berisiko hilang. Pemerhatian lapangan dijalankan untuk memperoleh maklumat secara emik, iaitu memahami perlakuan budaya sebagaimana ia difahami oleh komuniti sendiri.

iii. Soal selidik kuantitatif

Soal selidik berskala Likert lima mata digunakan bagi menilai tahap kesedaran, penglibatan dan minat komuniti terhadap tarian *mongigol patod* untuk memperoleh data etik. Ia merangkumi tiga bahagian utama:

Bahagian A: Profil demografi

Bahagian B: Pengetahuan dan minat terhadap tarian tradisi

Bahagian C: Persepsi terhadap strategi pelestarian dan cabaran utama

Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang menyeluruh dari sudut emik (pandangan pengamal budaya) dan etik (pandangan luar berdasarkan instrumen akademik).

TEKNIK ANALISIS DATA

Analisis data bagi kajian ini dilaksanakan melalui dua pendekatan utama iaitu analisis kualitatif tematik dan analisis kuantitatif deskriptif, dengan integrasi teori Emik-Etik (Pike, 1967) sebagai asas penyatuan dapatan lapangan. Pendekatan analisis ini dipilih bagi memastikan data yang dikumpul daripada temu bual, pemerhatian dan soal selidik dapat

dianalisis secara sistematik, sahih dan mencerminkan realiti sosial komuniti Dusun Bundu di Kampung Bundu Tuhan.


Analisis Data Kualitatif

Analisis data kualitatif dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan analisis tematik yang melibatkan proses familiarisasi data, penjaan kod awal, pembentukan tema, semakan serta pentafsiran tematik secara sistematik, selaras dengan kerangka yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) melalui proses yang sistematik bermula dengan familiarisasi data, diikuti penjaan kod awal, pembentukan tema, semakan, penamaan serta pentafsiran tematik. Semua temu bual dengan 12 informan merangkumi bekas *bobolian*, ketua kampung, penari veteran, pemuzik gong dan penggiat budaya ditranskrip secara verbatim sebelum dibaca berulang kali bagi memahami budaya Dusun Bundu, struktur upacara *moi patod* serta simbolisme gerak tarian *mongigol patod*. Melalui pembacaan ini, penyelidik mengenal pasti kod-kod awal seperti “pengaruh agama”, “kurangnya bobolian”, “ketiadaan pewaris”, “minat belia menurun”, “latihan tidak formal”, “kekurangan dokumentasi”, “inisiatif komuniti”, “bengkel tarian” dan “versi pentas baharu”. Kod-kod ini kemudiannya digabungkan bagi menghasilkan tema awal yang mencerminkan pola makna yang muncul secara konsisten daripada informan.


Setelah melalui proses penyemakan dan perbandingan dengan data lapangan, tiga tema utama dikenal pasti sebagai cabaran pelestarian, iaitu pengaruh agama dan perubahan nilai spiritual, penurunan minat generasi muda serta pewarisan yang berlaku secara tidak formal, dan kekangan sumber termasuk kekurangan tenaga pengajar dan dokumentasi. Bagi strategi pemeraksanaan pula, tiga tema besar turut dikenal pasti, iaitu pendidikan budaya komuniti, dokumentasi digital serta kolaborasi akademik, dan pelestarian beretika melalui program budaya dan pelancongan terkawal. Semua tema ini disemak kembali melalui member checking bersama beberapa informan seperti Ketua Kampung, Radin @ Lousi Madili (67 tahun), dan aktivis budaya Adrian Soidi (39 tahun), bagi memastikan tafsiran penyelidik selari dengan kefahaman komuniti. Dapatan kualitatif diperkukuh melalui petikan verbatim informan, misalnya kenyataan Kimbi Solinggou (79 tahun) yang menegaskan, “*Kalau yang tua-tua sudah tiada, memang tiada siapa lagi tahu tarian asal ini,*” dan luahan Adrian Soidi (39 tahun) bahawa “*Anak muda sekarang lebih minat K-pop, jadi tarian tradisi dianggap tidak relevan.*” Petikan sebegini menjadi bukti kesahihan (credibility) dan memberikan kefahaman mendalam tentang cabaran dan potensi pelestarian tarian *mongigol patod*. Secara keseluruhan, analisis tematik ini membentuk asas kukuh dalam memahami realiti sosial dan budaya yang mempengaruhi kesinambungan tarian tradisi ini dalam komuniti Dusun Bundu.

Analisis Kuantitatif

Analisis data kuantitatif dalam kajian ini dijalankan menggunakan kaedah statistik deskriptif, analisis silang (crosstab) dan korelasi bagi menyokong data kualitatif. Soal selidik yang diedarkan kepada 12 responden dianalisis menggunakan skala Likert 1–3 untuk menilai tahap pengetahuan, persepsi dan minat terhadap pelestarian tarian *mongigol patod*. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju tarian *mongigol patod* ialah warisan budaya yang penting, namun menyatakan kebimbangan terhadap kurangnya penglibatan belia dan ketiadaan pewarisan formal, selari dengan dapatan kualitatif. Data menunjukkan bahawa 10 daripada 12 responden bersetuju bahawa upacara *moi patod* semakin jarang diamalkan dan menyebabkan risiko kepupusan elemen spiritual tarian *mongigol patod*. Seramai 8 responden turut bersetuju bahawa kekurangan alat muzik dan kostum menjejaskan pelaksanaan latihan, manakala 6 responden mengakui tiada jurutari terlatih yang dapat mengendalikan latihan secara sistematik. Dapatan ini mengesahkan kekangan sumber yang dilaporkan oleh informan dalam temu bual.




Carta 1: Statistik deskriptif berdasarkan data jantina informan & responden
Sumber: Olahan Pengkaji, 2025




Carta 2: Skala Likert Lengkap Berdasarkan Analisis Data
Sumber : Olahan Pengkaji, 2025

Analisis crosstab pula menunjukkan bahawa responden berusia 40 tahun ke atas lebih cenderung menyatakan kebimbangan terhadap kehilangan pewaris dan dokumentasi berbanding responden berusia 21–30 tahun, yang dilihat kurang terlibat tetapi mempunyai minat sederhana terhadap budaya tradisi. Analisis korelasi turut menunjukkan hubungan positif sederhana antara tahap pendidikan dengan kesedaran budaya ($r \approx .42$), yang memberi gambaran bahawa individu berpendidikan tinggi lebih peka terhadap usaha pelestarian warisan. Analisis kuantitatif ini bukan bertujuan menghasilkan model statistik yang kompleks, tetapi untuk mengukuhkan dapatan kualitatif melalui pola sokongan empirikal, selaras dengan prinsip triangulasi yang digariskan oleh Lincoln dan Guba (1985). Secara keseluruhannya, integrasi dapatan kuantitatif dan kualitatif memberikan gambaran yang konsisten dan saling melengkapi terhadap persepsi komuniti Dusun Bundu mengenai cabaran dan strategi memperkasa tarian *mongigol patod*.



Carta 3: Crosstab Analisis Data
Sumber: Olahan Pengkaji, 2025



Carta 4: Analisis Korelasi (Tahap Pendidikan vs Kesedaran Budaya)
Sumber : Olahan Pengkaji, 2025

KEBOLEHPERCAYAAN, KESAHIHAN BUKTI DAN ETIKA KAJIAN

Kesahihan bukti dalam kajian ini diperkukuh melalui penggunaan petikan verbatim daripada informan yang mewakili data emik, iaitu suara dalaman komuniti Dusun Bundu yang terlibat secara langsung dalam amalan upacara dan tarian *mongigol patod*. Petikan seperti daripada Kimbi Solingou, seorang bekas *bobolian* berusia 79 tahun yang menyatakan bahawa “*kalau yang tua-tua sudah tiada, memang tiada siapa lagi tahu tarian asal ini,*” memberikan gambaran mendalam tentang risiko kehilangan ilmu tradisi sekiranya tiada pewarisan yang teratur. Begitu juga dengan pandangan Santim Lontuh (85 tahun), yang menegaskan bahawa generasi muda kini “*takut dianggap tidak ikut ajaran di gereja,*” sekaligus menggambarkan kesan perubahan nilai spiritual terhadap penglibatan masyarakat dalam upacara *moi patod*. Suara-suara emik ini menjadi asas penting yang mengesahkan interpretasi penyelidik terhadap cabaran kelangsungan upacara dan seni tari dalam komuniti tersebut.

Bukti kajian turut diperkukuh melalui data kuantitatif daripada soal selidik skala Likert lima mata yang melibatkan 12 orang responden berumur antara 21 hingga 54 tahun. Dapatan menunjukkan pola yang konsisten dengan maklumat kualitatif, antaranya 10 responden bersetuju bahawa sumber warisan tarian semakin pupus, manakala 8 responden bersetuju bahawa kekurangan kostum dan alat muzik mengganggu mutu persembahan. Selain itu, 6 responden turut bersetuju bahawa ketiadaan jurutari terlatih serta promosi yang terhad menjadi punca kemerosotan minat belia terhadap tarian tradisi. Seluruh dapatan ini membentuk sokongan statistik yang menyelari isu pewarisan, minat belia dan kekangan sumber seperti yang dijelaskan oleh para informan.

Keseluruhan dapatan kualitatif dan kuantitatif ini disahkan melalui triangulasi data yang menggabungkan tiga sumber utama iaitu temu bual mendalam, pemerhatian lapangan, serta soal selidik. Pemerhatian lapangan yang dijalankan semasa sesi demonstrasi gerak tari dan paluan gong mengesahkan realiti bahawa latihan hanya dilakukan secara tidak formal serta bergantung sepenuhnya kepada pengetahuan lisan informan tua tanpa rekod dokumentasi. Situasi di lapangan ini konsisten dengan temu bual para informan dan turut disokong oleh corak respons soal selidik, seterusnya menjadikan kesahihan dapatan lebih kuat dan tidak bergantung kepada satu sumber data sahaja. Akhir sekali, kesahihan bukti diperkasa melalui rujukan silang teori dan literatur yang menyokong tren dapatan lapangan. Penemuan tentang penyusutan fungsi spiritual dan kehilangan bobolian, misalnya, sepadan dengan hujah Hafstein (2009) tentang fenomena “pembekuan budaya,” manakala dapatan mengenai penurunan minat belia selari dengan hujah Kraidy (2005) tentang dominasi budaya popular dalam kalangan generasi muda. Kajian terdahulu oleh Hussin, Baptist & Pugh-Kitingan (2018) menunjukkan bahawa tarian ritual dalam masyarakat Kadazan-Dusun sarat dengan simbolisme, di mana perubahan sosial dan nilai moden memberi kesan signifikan terhadap kesinambungan praktik tradisi, selari dengan fenomena yang diperhatikan dalam komuniti Dusun Bundu.

RUMUSAN METODOLOGI

Secara keseluruhan, metodologi ini menggabungkan kekuatan data kualitatif dan kuantitatif berasaskan Teori Emik–Etik bagi menilai secara mendalam strategi serta cabaran memperkasa tarian *mongigol patod*. Kaedah analisis tematik membolehkan suara komuniti diangkat sebagai sumber utama strategi pemerkasaan, manakala data kuantitatif menyokong kesahihan dapatan secara empirikal. Kesemua dapatan kemudiannya diintegrasikan melalui analisis SWOT, di mana kekuatan dan kelemahan disandarkan kepada data emik, manakala peluang dan ancaman ditentukan melalui data etik. Pendekatan ini memastikan dapatan kajian adalah seimbang, sahih dan mencerminkan kedua-dua perspektif komuniti pengamal serta penilaian masyarakat yang lebih luas yang menegaskan bahawa pelestarian warisan budaya tak ketara harus difahami melalui interaksi antara dimensi sosial, spiritual, dan pengetahuan komuniti.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan utama kajian berkaitan strategi dan cabaran yang dihadapi dalam usaha memperkasa tarian *mongigol patod* di kalangan masyarakat Dusun Bundu di Ranau. Data yang dikumpul melalui temu bual mendalam, pemerhatian lapangan, dan soal selidik dianalisis secara tematik dan deskriptif bagi menghasilkan gambaran menyeluruh tentang keadaan semasa tarian *mongigol patod* dalam upacara *moi patod* ini. Dapatan dikategorikan kepada dua dimensi utama: cabaran pelestarian dan strategi pemerkasaan, dengan penilaian berasaskan model analisis SWOT (Helms & Nixon, 2010) untuk memahami kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap warisan budaya ini.

CABARAN PELESTARIAN *MONGIGOL PATOD*

Kajian mendapati bahawa tarian *mongigol patod* berhadapan dengan pelbagai cabaran kompleks yang berpunca daripada perubahan sosial, keagamaan, ekonomi dan nilai budaya. Berdasarkan temu bual bersama dua belas informan utama, tiga tema besar dikenal pasti sebagai cabaran utama, iaitu (i) pengaruh agama dan perubahan nilai spiritual, (ii) penurunan minat generasi muda dan ketiadaan pewarisan formal, serta (iii) kekangan sumber dan sokongan institusi.

i. Pengaruh Agama dan Perubahan Nilai Spiritual

Kajian mendapati bahawa pengaruh agama moden serta perubahan nilai spiritual dalam kalangan masyarakat Dusun Bundu memberi kesan besar terhadap kelangsungan tarian *mongigol patod*, khususnya aspek upacara asalnya yang berkait rapat dengan upacara *moi patod*. Informan tua seperti Kimbi Solinggou (79 tahun) menjelaskan bahawa generasi lama yang memahami makna sebenar upacara semakin berkurang, dan hal ini menimbulkan risiko kehilangan ilmu tradisi sekiranya tiada pewarisan jelas. Perubahan sikap generasi muda yang lebih berhati-hati terhadap amalan upacara turut mempengaruhi penyertaan mereka. Santim Lontuh (85 tahun), misalnya menyatakan bahawa terdapat golongan belia yang bimbang dikaitkan dengan unsur tidak selari dengan ajaran agama semasa. Dapatan ini sejajar dengan data soal selidik yang menunjukkan 10 daripada 12 responden bersetuju bahawa elemen warisan tarian semakin pupus akibat perubahan nilai spiritual, sekali gus memperlihatkan bagaimana aspek kepercayaan moden mempengaruhi kesinambungan upacara dalam tarian tradisi ini. Salah satu cabaran paling ketara yang menjejaskan kelangsungan tarian *mongigol patod* ialah pertembungan antara kepercayaan tradisional dan ajaran agama moden. Sejak kedatangan agama Kristian dan Islam ke kawasan pedalaman Sabah, amalan upacara seperti *moi patod* sering ditafsir secara negatif dan dikaitkan dengan unsur “penyembahan roh” atau “kepercayaan lama” yang dianggap bertentangan dengan ajaran agama. Sebahagian besar informan berusia lanjut seperti Kimbi Solinggou (79 tahun, bekas bobolian) dan Santim Lontuh (85 tahun) menegaskan bahawa perubahan nilai spiritual akibat perkembangan agama moden telah menyebabkan upacara *moi patod* semakin jarang dijalankan. Mereka menyatakan bahawa golongan muda kini lebih berhati-hati untuk terlibat kerana bimbang dianggap menyimpang daripada ajaran agama. Hal ini selari dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan 10 daripada 12 responden bersetuju bahawa ‘sumber warisan tarian semakin pupus’, terutama apabila upacara asal sudah tidak lagi dipraktikkan secara menyeluruh. Ketua Kampung Bundu Tuhan, Radin @ Lousi Madili (67 tahun) turut menyatakan bahawa pengamal lama semakin berkurangan dan banyak pengetahuan upacara tidak sempat diwariskan. Keadaan ini menguatkan dapatan kajian terdahulu yang menjelaskan bahawa kehilangan *bobolian* mengakibatkan hilangnya struktur spiritual yang menjadi akar tarian *mongigol patod*. Fenomena ini menepati amaran Hafstein (2009) tentang risiko ‘pembekuan budaya’ (cultural freezing), iaitu keadaan apabila tradisi kehilangan fungsi spiritual asalnya kerana digantikan oleh interpretasi luar.


ii. Penurunan Minat Generasi Muda dan Pewarisan Tidak Formal

Hasil soal selidik menunjukkan menunjukkan wujud jurang sikap antara generasi muda dan tua. Item soal selidik berkaitan minat dan keterlibatan belia menerima respons yang menunjukkan 6 responden bersetuju bahawa belia kurang terlibat dalam seni tari manakala 6 responden menyatakan minat belia semakin terhakis sementara itu, 6 responden berpendapat bahawa belia menganggap tarian tradisi sudah ketinggalan zaman. Maklumat kualitatif daripada informan seperti Adrian Soidi (39 tahun, aktivis budaya) dan Joaneseh James Ghani (46 tahun) menunjukkan bahawa ramai belia lebih tertarik kepada tarian *K-Pop* atau hiburan moden yang mudah diakses. Mereka juga menekankan bahawa ketiadaan tenaga pengajar terlatih dan ruang latihan kondusif menyumbang kepada penurunan minat belia. Selain itu, pewarisan tradisi ini masih berlaku secara tidak formal hanya melalui latihan tidak rasmi di

rumah atau bengkel kecil komuniti. Tiada modul rasmi atau dokumen bertulis yang merekodkan langkah, muzik, atau rinai upacara *Moi Patod*. Keadaan ini menimbulkan risiko ‘pencairan makna’ (loss of authenticity), selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa pengaruh hiburan moden dan pewarisan tidak formal menyumbang kepada penurunan minat generasi muda serta kemerosotan penghayatan terhadap warisan budaya tak ketara (Juanis et al., 2022).

iii. Kekangan Sumber, Dokumentasi dan Sokongan Institusi

Komuniti Dusun Bundu di Ranau berdepan kekangan sumber kewangan, logistik, dan dokumentasi dalam melaksanakan program pelestarian budaya. Sebahagian besar aktiviti dijalankan atas inisiatif individu atau kumpulan kecil tanpa dana tetap. Laporan daripada JKKN Sabah (2024) menunjukkan bahawa hanya dua program rasmi berkaitan tarian *mongigol patod* dijalankan dalam tempoh lima tahun terakhir. Laporan ini merupakan dokumen dalaman Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah dan diperoleh melalui akses rasmi untuk tujuan penyelidikan, salinan boleh diberikan atas permintaan kepada penulis. Walaupun terdapat sokongan moral daripada agensi kebudayaan negeri, tiada struktur perancangan jangka panjang atau pelan strategik pelestarian disediakan. Ketiadaan arkib digital juga menyebabkan rakaman tarian, muzik, dan naratif upacara tidak dapat disimpan dengan baik. Hal ini menjejaskan usaha dokumentasi akademik dan pewarisan pengetahuan kepada generasi muda, selaras dengan kajian yang menunjukkan bahawa muzik, tarian, dan elemen ritual Dusunic terdedah kepada perubahan generasi dan transformasi budaya (Pugh-Kitingan, 2014). Informan seperti Evelyn Akau (56 tahun) dan Helena Sanan (57 tahun) menyatakan bahawa program latihan atau bengkel tarian sering terhad kerana ketiadaan dana, kostum, dan peralatan muzik. Hal ini disokong oleh keputusan soal selidik yang menunjukkan 8 responden bersetuju bahawa kekurangan kostum dan alat muzik menjejaskan persembahan, 6 lagi responden menyatakan tiada jurutari khusus yang mampu mengendalikan kelas tarian secara formal, seterusnya 6 responden lagi berpendapat bahawa promosi tarian sangat kurang. Ketiadaan dokumentasi formal juga diakui oleh informan seperti Doloros Andang (60 tahun) yang menyatakan bahawa banyak gerakan dan *riinait* hanya diingat oleh generasi tua dan belum direkodkan secara sistematik.



Carta 5: Cabaran Pelestarian Tarian *Mongigol Patod* (Agama & Nilai Spiritual)
Sumber : Olahan Pengkaji, 2025

STRATEGI PEMERKASAAN TARIAN *MONGIGOL PATOD*

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti Dusun Bundu dan institusi kebudayaan negeri telah mula melaksanakan beberapa inisiatif strategik untuk memperkasa tarian *mongigol patod*. Berdasarkan analisis tematik, terdapat tiga strategi utama yang dikenal pasti iaitu (i) Pendidikan budaya dan pewarisan komuniti, (ii) Dokumentasi digital dan kolaborasi akademik, serta (iii) Pelestarian beretika melalui pendekatan pelancongan budaya dan dasar kebudayaan negeri.

i. Pendidikan Budaya dan Pewarisan Komuniti

Strategi paling berkesan dalam memperkasa tarian *mongigol patod* ialah pendekatan berasaskan komuniti (community-based safeguarding) melalui pendidikan tidak formal. Terdapat satu Kumpulan kecil Dusun Bundu di Kampung Bundu Tuhan, misalnya, telah menubuhkan bengkel latihan kecil yang memberi tunjuk ajar kepada anak muda tentang asas tarian, irama gong, dan maksud riinait atau hiis. Latihan ini dijalankan dalam suasana santai, membolehkan pewarisan berlaku tanpa tekanan formal. Pendekatan ini menepati saranan UNESCO (2018) yang menekankan kepentingan pelibatan langsung komuniti sebagai pemegang warisan sah dalam setiap usaha pelestarian. Selain itu, beberapa guru di sekolah sekitar Ranau telah mula memperkenalkan aktiviti kebudayaan berasaskan tarian tradisional Dusun dalam program kokurikulum. Walaupun versi yang diajar tidak sepenuhnya bersifat upacara, namun amat membantu mengekalkan bentuk fizikal dan simbolik tarian *Mongigol Patod*. Menurut Yan & Li (2023), pendekatan pendidikan budaya yang berterusan dapat menanam nilai penghargaan terhadap warisan tempatan, meningkatkan keterlibatan masyarakat, dan menyokong pewarisan pengetahuan budaya kepada generasi muda. Informan seperti Norita@Clarice Suali (54 tahun) menegaskan bahawa tarian perlu diamalkan secara berkala supaya ia kekal relevan dan menjadi sebahagian daripada gaya hidup komuniti.


ii. Dokumentasi Digital dan Kolaborasi Akademik

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kerjasama antara komuniti tempatan dan institusi akademik seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) memainkan peranan penting dalam memperkasa warisan ini. Projek dokumentasi digital telah dijalankan secara berperingkat, termasuk rakaman video gerakan tarian *mongigol patod*, props upacara *moi patod*, dan alat muzik tradisional. Usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk arkib akademik, tetapi juga bagi memudahkan penyelidikan lanjut dalam bidang seni persembahan dan antropologi budaya. Beberapa informan, termasuk aktivis budaya Adrian Soidi, mengakui bahawa dokumentasi melalui penyelidikan dan rakaman akademik merupakan strategi penting dalam memastikan kesinambungan ilmu. Jawapan responden juga menunjukkan kesemua 12 responden percaya bahawa program kebudayaan seperti persembahan dan festival dapat merancakkan pemuliharaan tarian. Dengan adanya kerjasama antara komuniti dan institusi seperti UMS atau KDCA, maklumat seperti langkah tarian, simbolisme, riinait dan sejarah tarian dapat direkod sebagai modul latihan.

iii. Pelestarian Beretika dan Pelancongan Budaya

Satu lagi strategi penting ialah penerapan model pelestarian beretika melalui pelancongan budaya terkawal. Respon soal selidik menunjukkan 8 daripada 12 responden percaya bahawa tarian *mongigol patod* mempunyai potensi ekonomi apabila komuniti penggiatnya kini menampilkan versi simbolik tarian *mongigol patod* dalam acara kebudayaan daerah, seperti 'Festival Mongigol Patod', 'Festival Budaya Ranau' dan 'Hari Kebudayaan Sabah'. Walaupun versi ini telah dimodenkan dan tidak lagi melibatkan unsur upacara sepenuhnya, ia mengekalkan gerakan asas dan naratif spiritual asal bagi tujuan pendidikan serta promosi kesedaran budaya. Cohen (1988) menegaskan bahawa pelancongan budaya boleh menjadi alat pelestarian yang berkesan dengan syarat dikawal secara etika dan tidak menghakis makna ritual dan dikendalikan oleh pemegang warisan asal. Selain itu, dasar kebudayaan negeri

Sabah yang menyokong perlindungan warisan tak ketara turut membantu memperkukuh kedudukan tarian *mongigol patod* sebagai warisan rasmi negeri. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) telah mula menilai potensi pendaftaran tarian *mongigol patod* sebagai *Heritage Performance Category* di bawah Enakmen Warisan Budaya Sabah. Kesemua langkah ini penting kerana ia memberi pengiktirafan undang-undang dan membuka peluang kepada bantuan kewangan dan penjana ekonomi bagi aktiviti pelestarian jangka panjang.




Carta 6: Strategi Pemeraksanaan tarian Mongigol Patod
Sumber : Olahan Pengkaji, 2024

ANALISIS SWOT TARIAN *MONGIGOL PATOD*

Analisis SWOT terhadap tarian *mongigol patod* menunjukkan bahawa tarian ini mempunyai beberapa kekuatan penting yang menyumbang kepada kelangsungan warisan budaya dalam komuniti Dusun Bundu. Antaranya, tarian *mongigol patod* masih diiktiraf sebagai salah satu identiti budaya yang signifikan, selain mempunyai simbolisme upacara yang unik yang membezakan tarian ini daripada bentuk tarian tradisi lain di Ranau. Kehadiran informan tua yang masih menyimpan pengetahuan asli tentang gerak tari, riinait dan makna spiritualnya turut menjadi kekuatan penting. Komuniti juga menunjukkan sokongan yang positif terhadap usaha pelestarian, terutamanya melalui penglibatan dalam program budaya, festival dan aktiviti komuniti yang memperkenalkan tarian ini kepada generasi muda. Namun begitu, kajian turut mengenal pasti beberapa kelemahan yang menghalang usaha pemeraksanaan tarian ini. Pewarisan tarian masih berlaku secara tidak formal dan bergantung kepada hafalan lisan informan berusia, menyebabkan risiko kehilangan ilmu sekiranya tidak didokumentasikan dengan baik. Kekurangan jurutari terlatih serta fasilitator budaya yang mampu menjalankan kelas latihan secara sistematik turut menyukarkan penyebaran pengetahuan kepada generasi muda. Selain itu, dokumentasi berkaitan gerak tari, muzik dan upacara masih sangat terhad, dan komuniti berdepan kekurangan sumber seperti kostum dan alat muzik tradisi, menyebabkan pelaksanaan latihan dan persembahan tidak dapat dijalankan secara konsisten.

Dari segi peluang, tarian *mongigol patod* mempunyai ruang besar untuk diperkasa melalui pelbagai inisiatif pelestarian budaya. Festival kebudayaan peringkat daerah dan negeri menyediakan platform pendedahan yang penting bagi memperkenalkan tarian ini kepada masyarakat umum dan pelancong. Selain itu, peluang digitalisasi melalui rakaman video, arkib digital, dan kerjasama dengan institusi pendidikan seperti universiti membuka ruang baharu untuk dokumentasi dan penyelidikan yang lebih sistematik. Sokongan institusi kebudayaan seperti LKNS, KDCA dan NGO budaya turut memperkukuh usaha pemeliharaan

warisan ini. Peningkatan minat generasi baharu terhadap warisan etnik juga menjadi peluang strategik untuk mengembang luaskan tarian ini melalui pendidikan budaya, program seni dan penglibatan belia. Walau bagaimanapun, beberapa ancaman turut dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjejaskan kelangsungan tarian *mongigol patod*. Pengaruh budaya luar, khususnya budaya popular seperti *K-pop*, menyebabkan minat generasi muda terhadap tarian tradisi semakin merosot. Pengamal tua yang merupakan pemegang ilmu budaya semakin berkurangan, dan ketergantungan berlebihan terhadap mereka menimbulkan risiko kehilangan maklumat penting jika tidak direkodkan segera. Persepsi agama terhadap upacara tradisi, terutama elemen yang dikaitkan dengan kepercayaan lama, turut mempengaruhi penerimaan tarian ini dalam kalangan belia dan sebahagian masyarakat. Selain itu, upacara *moi patod* semakin jarang dijalankan, menyebabkan elemen spiritual yang menjadi identiti tarian *mongigol patod* semakin sukar difahami oleh generasi muda. Merujuk kepada analisis SWOT ini menunjukkan bahawa tarian *mongigol patod* mempunyai potensi besar untuk diperkasa, namun usaha bersepadu amat diperlukan bagi menangani kelemahan dalaman serta ancaman luar yang semakin ketara. Pelestarian yang sistematik melalui dokumentasi, pendidikan budaya, dan sokongan institusi dilihat sebagai strategi utama dalam memastikan tarian ini terus diwarisi oleh generasi akan datang.



Rajah 1: Analisis SWOT Tarian *Mongigol Patod*
Sumber: Olahan Pengkaji, 2024

SINTESIS DAPATAN

Sintesis dapatan menunjukkan bahawa pelestarian tarian *mongigol patod* dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman dan luaran yang saling berkait. Walaupun diiktiraf sebagai warisan budaya penting etnik Dusun Bundu, tradisi ini semakin mencabar untuk dikekalkan akibat perubahan nilai spiritual, pengaruh agama moden, serta pengurangan pengamal upacara yang memahami makna asal upacara *moi patod*. Penurunan minat generasi muda dan pewarisan tidak formal yang masih bergantung kepada ingatan informan tua turut mempercepatkan risiko kehilangan elemen gerak tari, *riinait* dan simbolisme upacara. Dapatan soal selidik menyokong hal ini apabila majoriti responden bersetuju bahawa ketiadaan jurutari terlatih, kekurangan dokumentasi, serta sumber yang terhad seperti kostum dan alat muzik menjadi faktor utama kemerosotan pewarisan. Walau bagaimanapun, terdapat potensi besar bagi memperkasa tarian ini melalui sokongan komuniti, peluang pendidikan budaya, serta program kebudayaan daerah. Data kuantitatif menunjukkan komuniti bersedia terlibat dalam usaha pelestarian melalui aktiviti budaya, festival, dan latihan komuniti. Peluang digitalisasi dokumentasi dan kerjasama institusi akademik serta agensi kebudayaan turut membuka ruang untuk memastikan ilmu gerak tari dan simbolisme direkod serta diwarisi secara lebih sistematik. Oleh itu, sintesis dapatan menegaskan bahawa pelestarian tarian *mongigol patod* memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan kekuatan sedia ada, menangani kelemahan dalaman, memanfaatkan peluang luar dan mengurus ancaman seperti perubahan budaya dan sensitiviti agama. Usaha bersepadu ini penting untuk memastikan tarian *mongigol patod* kekal relevan dan dimartabatkan sebagai warisan budaya tak ketara masyarakat Dusun Bundu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil Kajian ini menyimpulkan bahawa tarian *mongigol patod* merupakan warisan budaya tak ketara yang sangat penting dalam masyarakat Dusun Bundu, namun berdepan cabaran signifikan akibat perubahan nilai spiritual, pengaruh agama moden, penurunan minat generasi muda, serta pewarisan tidak formal yang bergantung kepada individu berusia. Kekurangan dokumentasi, jurutari terlatih dan sumber sokongan turut melemahkan kesinambungannya. Walau bagaimanapun, dapatan kualitatif dan kuantitatif menunjukkan bahawa komuniti masih memiliki kesediaan tinggi untuk memperkasa tarian ini melalui program budaya, pendidikan komuniti, festival etnik dan peluang digitalisasi dokumentasi. Oleh itu, pelestarian tarian *mongigol patod* memerlukan pendekatan yang lebih holistik, meliputi dokumentasi sistematik, kolaborasi institusi, pendidikan budaya generasi muda, dan pelestarian beretika agar warisan ini dapat terus dipertahankan serta dimartabatkan dalam budaya moden.

RUJUKAN

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Cohen, E. (1988). Authenticity and commoditization in tourism. *Annals of Tourism Research*, 15(3), 371–386. [https://doi.org/10.1016/0160-7383\(88\)90028-X](https://doi.org/10.1016/0160-7383(88)90028-X)
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Sage Publications.
- Google Maps. (2025). Kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah [Peta]. Google. <https://www.google.com/maps> (Retrieved January 15, 2025).

- Hafstein, V. T. (2009). Intangible heritage as a list: From masterpieces to representation. In L. Smith & N. Akagawa (Eds.), *Intangible heritage* (pp. 93–111). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203884973-10>
- Haris Abd Aziz, M. (2021). *Pemeriksaan seni tradisi dalam era globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Helms, M. M., & Nixon, J. (2010). Exploring SWOT analysis – Where are we now? *Journal of Strategy and Management*, 3(3), 215–251.
- Hussin, H., Baptist, J. J., & Pugh-Kitingan, J. (2018). Enriching the soundscape and dancescape of Sabah through Sumazau. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 23(2), 181–204. <https://doi.org/10.22452/jati.vol23no2.9>
- James, P. (2006). *Globalism, nationalism, tribalism: Bringing theory back in*. Sage Publications.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah. (2024). *Laporan tahunan program warisan budaya negeri Sabah (Laporan dalaman tidak diterbitkan)*. Kota Kinabalu.
- Juanis, B., Saleh, Y., Ghazali, M. K. A., Mahat, H., & Hashim, M. (2022). Knowledge, attitudes and practices of youths towards the intangible cultural heritage elements of Dusun ethnic in Malaysian environment. *IOP Conference Series, Earth and Environmental Science*, 975 (1), 012008. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/975/1/012008>
- Kraidy, M. M. (2005). *Hybridity, or the cultural logic of globalization*. Temple University Press.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Pike, K. L. (1967). *Language in relation to a unified theory of the structure of human behavior*. Mouton.
- Pugh-Kitingan, J. (2014). Balancing the human and spiritual worlds: Ritual, music, and dance among Dusunic societies in Sabah. *Yearbook for Traditional Music*, 46, 170–190. <https://doi.org/10.5921/yeartradmusi.46.2014.0170>.
- Sharifuddin Zainal, S. A., et al. (2023). Magombok: Reimagining traditional performance (ritual-theater) for heritage sustainability. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 10(32). <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10i32.6660>
- Sri Ningsih Sukirman. (2020). Asal usul tarian tradisional di luar dan di Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10(2). <https://doi.org/10.51200/ga.v10i2.2843>.
- Turner, V. (1969). *The ritual process: Structure and anti-structure*. Aldine Publishing.
- UNESCO. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage*. Paris: UNESCO.
- UNESCO. (2018). *Operational Directives for the implementation of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* (2018 edition). UNESCO.
- Yan, W.-J., & Li, K.-R. (2023). Sustainable cultural innovation practice: Heritage education in universities and creative inheritance of intangible cultural heritage craft. *Sustainability*, 15(2), 1194. <https://doi.org/10.3390/su15021194>
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.